



PERUTUSAN PENGERUSI
(MESYUARAT JKTNg Bil. 4/2015 PADA 23 JUN 2015)

Assalamualaikum warahmatullah hi wabarakatuh.

YB Pegawai Kewangan Negeri, YH Dato'-Dato', Ketua-ketua Jabatan, Tuan Puan sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat menyambut Ramadan Al Mubaraq. Semoga Ramadan kali ini lebih baik dan memberi lebih memberi makna kepada kita dalam mengharungi kehidupan kita seterusnya.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk menyampaikan beberapa perkara iaitu:

1. **PERSARAAN KETUA JABATAN**

Bagi pihak Pentadbiran Negeri, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada **YH Dato' Haji Tarif bin Haji Abdul Rahman**, mantan Pegawai Daerah Temerloh, yang telah bersara wajib mulai 11 Jun 2015 yang lalu. Kita doakan YH Dato' dan keluarga dikurniakan ALLah SWT kesihatan yang baik dan kegembiraan berterusan.

2. **ANUGERAH DARJAH KEBESARAN PAHANG**

Saya juga merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada penerima-penerima Anugerah Darjah Kebesaran Pahang **Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang Yang Amat Mulia- Peringkat Kedua, Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (DSAP)** iaitu:

1. Yang Hormat Dato' Haji **Mohamad Roslan bin Harun**, Pegawai Kemajuan Negeri Pahang.
2. Yang Hormat Dato' Haji **Mohamad Noor bin Abdul Rani**, Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pahang.
3. Yang Hormat Dato' **Toantowee bin Mohd Lotfie**, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, dan

4. Yang Berbahagia Laksamana Muda Dato' **Azhari bin Abd Rashid**, Panglima Wilayah Laut 1.

3. **BANTUAN KHAS KEWANGAN KEPADA PENJAWAT AWAM**

- a. Saya ingin memaklumkan bahawa YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Najib bin Tun Razak dalam Persidangan MAPPA pada Rabu lepas, telah mengumumkan bayaran bantuan khas kewangan sebanyak RM 500.00 kepada penjawat awam Gred 54 dan ke bawah, dan RM 250.00 kepada pesara kerajaan.
- b. Bayaran ini akan dilaksanakan pada 25 Jun dan diharap dapat membantu penjawat awam dalam persediaan menghadapi Ramadan dan Hari Raya Aidil Fitri.
- c. YAB Perdana Menteri juga mengumumkan kadar baru terendah Imbuan Tetap Perumahan (ITP), dinaikkan daripada RM180.00 sebulan, kepada RM300.00 sebulan. Manakala penjawat awam yang mendiami kuarters kerajaan, yang selama ini tidak menerima ITP akan menikmati 25% daripada kadar Imbuan Tetap Perumahan sebenar.

- d. Keputusan ini yang akan berkuatkuasa pada 1 November dijangka akan memanfaatkan lebih 1.1 juta penjawat awam dengan implikasi kewangan sebanyak RM1.04 billion setahun.

4. **MENJAGA KERAHSIAAN KERAJAAN**

- a. Selain itu, YAB Perdana Menteri juga telah menyuarakan kebimbangan beliau mengenai kebocoran rahsia kerajaan oleh Penjawat Awam. YAB Perdana Menteri meminta semua penjawat awam mentaati ikrar Perkhidmatan Awam dengan menjaga kerahsiaan jabatan dan tidak membocorkan rahsia kerajaan.
- b. Suka saya juga mengingatkan semua Penjawat Awam di Pentabiran Negeri Pahang tentang kewajiban menjaga rahsia kerajaan dan sentiasa berhati-hati dalam tindak-tanduk yang boleh mencemarkan imej dan jabatan apabila berurusan. Kita semua terikat kepada **Peraturan-peraturan Penjawat Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993**.

5. AMALAN PENJIMATAN JABATAN KERAJAAN

- a. YAB Perdana Menteri Malaysia juga mencadangkan supaya satu pendekatan baharu dikenalpasti dalam mengukur produktiviti. Kaedah pengukuran ini akan dikaji secara terperinci oleh NPC dan JPA. Pendekatan baharu ini memberi gambaran terhadap mana-mana Jabatan atau Kementerian yang berjaya mengamalkan langkah penjimatan, boleh menerima semula sebahagian peruntukan tersebut sebagai penghargaan. Jabatan atau Kementerian boleh menggunakan peruntukan yang dijamin tersebut sebagai insentif kepada langkah efisien mereka melaksanakan penjimatan tersebut.

- b. Saya sendiri merasakan cadangan ini amat bertepatan dengan dasar penjimatan kerajaan, dan menyokong inisiatif kerajaan memberi insentif kepada Jabatan atau Kementerian yang berupaya memaksimumkan aktiviti pembangunan dengan perbelanjaan yang berpadu.

6. RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS 2016-2020

- a. Saya turut ingin memaklumkan mengenai pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020, sebagaimana yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 21 Mei 2015 yang lalu.

- b. Rancangan Malaysia Kesebelas, merupakan Rancangan Malaysia terakhir sebelum tahun 2020. Lantaran itu, usaha-usaha perlu dilipatganda bagi memastikan hasrat Negara untuk menjadi Negara maju menjelang 2020, tercapai.
- c. Kerajaan telah menggariskan **enam teras strategik** bagi membantu Malaysia sentiasa bersedia menghadapi cabaran dan memanfaatkan peluang berikutan perubahan landskap global dan politik yang pantas. Teras strategik ini bertujuan memenuhi pelbagai keperluan rakyat dan negara secara menyeluruh iaitu:
1. Memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama.
 2. Meningkatkan kesejahteraan rakyat.
 3. Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju.
 4. Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan mampanan dan daya tahan.
 5. Memperkukuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi.
 6. Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran.

- d. RMKe-11 adalah sangat penting memandangkan rancangan ini merupakan rancangan lima tahun terakhir sebelum Malaysia mencapai status negara maju dan inklusif selaras dengan Wawasan 2020. Saya berharap agar semua jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dalam pembangunan RMKe-11 kelak, hendaklah bersiap sedia dengan pelan perancangan pembangunan mulai sekarang agar tiada masalah berbangkit, terutama perihal tanah, apabila pelancaran projek bermula 1 Januari 2016 tahun hadapan.

6. NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI MENJELANG 2020

- a. Pembangunan negara Malaysia pada hari ini, telah berjaya memaksimumkan guna tanah, penyediaan tenaga kerja yang mencukupi dan pelaburan modal yang besar untuk merencanakan pembangunan negara. Negara telah berada dikemuncak ***High Income*** dan ***High Productivity Nation***.
- b. Namun begitu, pencapaian ini amat memerlukan kepelbagaian kepada pendekatan baru, yang bertindak sebagai pemangkin yang berterusan, dalam bentuk idea dan inovasi, serta mencari sumber pengganti terkini (***new resources***) untuk terus menjulang kesinambungan pembangunan mampan Negara untuk alaf ini.

- c. Bersabit dengan ini, YAB Perdana Menteri telah mencadangkan pendekatan supaya secara '*multi-tasking*' dikaji kemungkinan untuk dilaksanakan ke atas penjawat-penjawat awam. YAB Perdana Menteri juga meminta supaya pendekatan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) dipraktiskan oleh Jabatan dan Agensi bagi memaksimumkan penggunaan aset awam.
- d. Jabatan dan Agensi diminta supaya tidak melaksanakan kerja secara *silo*.

7. KEPUTUSAN MESYUARAT JEMAAH MENTERI 22 MEI 2015

- a. YAB Perdana Menteri telah menegaskan bahawa kerajaan perlu memastikan kejayaan RMKe-11 menjadi *game-changer* dalam mengukuhkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan. Sehubungan itu, kepantasan pelaksanaan projek perlu di pertingkatkan dan langkah bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual perlu dipergiatkan.

Tumpuan harus diberi supaya pelantikan kontraktor adalah tepat dan tiada kos berlebihan (*cost overrun*) termasuk *variation order*. Kerajaan wajar bertegas untuk menamatkan mana-mana kontraktor yang gagal menyiapkan projek mengikut masa yang ditetapkan. Peraturan-peraturan sedia ada khususnya mengenai pengurusan projek, lantikan kontraktor, pentadbiran kontrak dan lantikan kontraktor penyiap wajar dikaji dan disemak supaya matlamat pelaksanaan projek dengan pantas dan kos yang rendah tercapai.

8. KEPUTUSAN MESYUARAT KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM BERSAMA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI BILANGAN 2 TAHUN 2015 PADA 8 JUN 2015

Berikut adalah keputusan yang dicapai sewaktu mesyuarat tersebut berlangsung:

a. Pengurusan Penjawat Awam Yang Berprestasi Rendah

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan memperkenalkan dasar pemisah bagi penjawat awam berprestasi rendah, sepertimana yang telah diumumkan oleh YBhg Ketua Setiausaha Negara semasa Hari Terbuka NBOS di Kuala Lumpur pada 23 Mei baru-baru ini.

b. Kebocoran Maklumat

Bagi memelihara kerahsiaan dan mengelak daripada maklumat disebarluaskan secara *viral* oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, surat dan dokumen rasmi tidak boleh dimuatnaik ke dalam media sosial seperti *Facebook*, *Whatsapp* dan sebagainya.

c. Pemurnian Data HRMIS

Sistem HRMIS akan diperluaskan ke dalam aspek-aspek sumber manusia yang lain termasuklah kenaikan pangkat, penempatan dan sebagainya. Sehubungan itu, semua Ketua Jabatan diminta memberi perhatian agar data HRMIS pegawai dan kakitangan di bawah seliaan masing-masing hendaklah sentiasa dikemaskini.

d. Mempercepat Proses Tindakan Tatatertib

JPA juga akan memperkemaskan pengurusan proses tindakan tatatertib penjawat awam. Berdasarkan statistik daripada JPA, purata masa yang diambil untuk menyelesaikan satu kes tatatertib ialah 1 tahun 10 bulan. Bagi mengurangkan kerenah birokrasi, dan meningkatkan pelaksanaan *swift justice*, prosedur tatatertib akan ditambahbaik. Ini termasuklah memendekkan tempoh

pengumpulan bukti bagi membolehkan kes diselesaikan segera.

e. Pengisian Gred Flexi 41/44

Selaras dengan keperluan semasa, JPA juga akan melaksanakan semua pengisian gred fleksi 41/44, di mana pegawai-pegawai yang diberikan pemangkuan ke Gred 44 tidak perlu lagi bertukar keluar daripada agensi asal.

9. LAPORAN PEMBAYARAN BIL KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI BULAN MEI 2015

a. Prestasi Pembayaran Bil Kerajaan Negeri Pahang pada bulan Mei 2015 yang telah dibayar dalam tempoh 14 hari adalah **99.72%** manakala **0.28%** (23 bil) telah dibayar melebihi 14 hari. Berikut ialah jabatan-jabatan yang membayar bil-bil melebihi tempoh 14 hari:-

i) Jabatan Perhutanan Negeri	- 13 bil
ii) Pejabat Daerah dan Tanah C. Highland	- 5 bil
iii) Jabatan Agama Islam Pahang	- 3 bil
iv) Jabatan Kebajikan Masyarakat	- 1 bil
v) Jabatan Pertanian Pahang	- 1 bil

JUMLAH

23 bil

- c. Ketua-ketua Jabatan diingatkan untuk sentiasa mematuhi Tatacara dan Peraturan Kewangan apabila menguruskan perihal kewangan di pejabat masing-masing, serta memungkinkan kelewatan sebegini tidak berlaku.

10. UCAPAN SALAM RAMADAN AL MUBARAQ

- a. Akhirnya, saya mengambil kesempatan mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan Al Mubaraq 1436H dan selamat berpuasa, kepada semua Muslimin dan Muslimat.
- b. Ibadat puasa tidak harus dijadikan alasan untuk kita bermalasan dan bertangguh-tangguh dalam melaksanakan kerja, bahkan bulan tersebut telah dijanjikan Allah SWT pahala berganda kepada yang melakukan kebajikan dan menunaikan tanggungjawab dengan ikhlas dan amanah.

Sekian.